

**TEKS UCAPAN**  
**YBHG DATO IR' HJ. ISMAIL BIN MD SALLEH**  
**SEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN**  
**PADA**  
**27 APRIL 2016**

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS.

Y.BERUSAHA TN. HAJI IR MOHD SALEH BIN SANTHIMAN

TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y.BHG DATO' SR AZIZ BIN ABDULLAH

TIMBALAN KETUA PENGARAH (BISNES)

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y. BERUSAHA PN. ZURAIDA BTE SHAHARUDIN

PENGARAH KANAN PENGURUSAN

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN

PEGAWAI DAN KAKITANGAN LLM

TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN

ASSALAMUALAIKUM WBT DAN SALAM 1 MALAYSIA.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana dengan rahmat dan inayahNya, kita dapat sama-sama hadir dalam Majlis Perhimpunan Bulanan, Lembaga Lebuhraya Malaysia bagi bulan April tahun 2016 ini.

### **Garis Panduan Etika Penggunaan Media Sosial Kementerian Kerja Raya**

Hadirin yang dihormati sekalian,

2. Media sosial merupakan salah satu saluran komunikasi terkini yang membolehkan penyebaran dan perkongsian maklumat dilakukan dengan cepat dan meluas menerusi internet. Ia juga dapat membantu organisasi untuk menjalin hubungan yang lebih erat dengan pelanggan melalui interaksi secara dua hala. Selain itu, media sosial juga boleh dimanfaatkan sebagai saluran yang berkesan untuk mempromosikan inisiatif dan produk kerajaan.

3. Penyebaran dan perkongsian maklumat di media sosial berlaku secara *instantaneous* dan terbuka. Sehubungan itu, pemantauan dan pemilihan kandungan untuk dimuat naik ke media sosial LLM hendaklah dilakukan dengan teliti berdasarkan garis panduan atau tatacara yang ditetapkan. Ini bagi memastikan setiap maklumat yang ingin dikongsi adalah tepat dan tidak menjejaskan kepentingan awam.

4. Oleh itu, kerajaan telah mengeluarkan beberapa garis panduan berhubung pelaksanaan dan penggunaan media sosial di Sektor Awam seperti berikut:

- i. Akta Rahsia Rasmi 1972
- ii. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998
- iii. Akta Perlindungan Data Peribadi 2010
- iv. Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam Bil. 1 Tahun 2003 “Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik di Agensi-agensi Kerajaan”.
- v. Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 17 Julai 2009 bertajuk “Pelaksanaan Blog Bagi Agensi Sektor Awam”.
- vi. Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 19 November 2009 bertajuk “Penggunaan Media Sosial Di Sektor Awam”.
- vii. Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 8 April 2011 bertajuk “Amalan Terbaik Penggunaan Media Jaringan Sosial Di Sektor Awam”.

5. Sehubungan itu, garis panduan ini disediakan untuk memperkukuhkan lagi pelaksanaan dan penggunaan media sosial di Kementerian Kerja Raya dan agensi-agensi dibawahnya dengan memastikan ianya berfungsi dengan lebih berkesan.

6. Garis Panduan ini juga bertujuan untuk menerangkan tatacara dan kriteria pemilihan kandungan media sosial yang perlu dipatuhi oleh KKR dan agensi dibawahnya. Berikut adalah tatacara yang perlu dipatuhi semasa memilih kandungan media sosial KKR:

**i. Pengesahan maklumat**

Maklumat perlu ditentukan ketepatan dan kesahihannya

**ii. Muat Naik Bahan**

Bahan rasmi yang hendak dimuat naik hendaklah disemak dan mendapat pengesahan/kelulusan daripada Ketua Bahagian/Unit/Cawangan

**iii. Perbincangan Awam**

Perhatian perlu diberi ke atas setiap komen/pernyataan atau maklumat yang dikongsi di media sosial bagi menjaga imej dan rahsia kerajaan

**iv. Tanggungjawab**

Setiap warga, Bahagian/Cawangan/Agensi KKR dan Pasukan Pengendali Media Sosial KKR mempunyai tanggungjawab khusus yang perlu dipatuhi

7. Selain itu, warga KKR dan agensi dibawahnya juga perlu mempunyai rasa tanggungjawab dalam penggunaan media sosial samada dalam urusan rasmi ataupun peribadi dan ianya adalah tertakluk kepada etika berikut:

- i. Pegawai awam dilarang menggunakan media sosial untuk tujuan peribadi semasa waktu pejabat sama ada menerusi peralatan komputer atau alat mudah alih yang dibekalkan oleh pejabat ataupun melalui peralatan peribadi.
- ii. Pegawai awam boleh menggunakan media sosial secara peribadi di luar waktu pejabat tetapi perlu berhati-hati supaya tidak mendedahkan sebarang maklumat rasmi. Pegawai awam dilarang mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti politik kecuali telah mendapat kelulusan Ketua Perkhidmatan Awam.

- iii. Sebarang komen mengenai isu-isu yang melibatkan Kerajaan atau yang berbentuk serangan peribadi hendaklah dielakkan.
- iv. Ketepatan dan sensitiviti maklumat yang ingin disampaikan hendaklah disemak terlebih dahulu sebelum dihantar.
- v. Pegawai awam perlu memastikan perkongsian dan penggunaan maklumat yang berkaitan dengan dengan hak cipta dan harta intelek telah mendapat kebenaran daripada pihak yang berkenaan.
- vi. Sekiranya terdapat kesilapan pada sebarang maklumat yang telah dihebahkan, akui pada umum, buat pembedulan dan mohon maaf kepada semua pihak yang berkaitan secara terus dalam sosial terlibat.

8. Garis Panduan ini berkuat kuasa pada tarikh ia ditandatangani. Komitmen semua warga LLM untuk berkongsi maklumat akan membuka ruang komunikasi yang lebih luas. Pengendalian media sosial secara profesional amat penting untuk menyebarkan dan berkongsi maklumat dengan orang ramai. Perkongsian ini perlu dilaksanakan dengan mematuhi peraturan dan tatacara yang telah ditetapkan bagi melahirkan perhubungan yang harmoni.

### **Taklimat Jitu Kepada Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Kerja Raya**

9. Perkhidmatan Awam sentiasa berdepan dengan realiti semasa di mana teras perkhidmatan awam adalah untuk menyampaikan perkhidmatan yang mempunyai nilai tambah (*value add*) kepada rakyat. Kerajaan kini terus komited membentuk perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi dan

berinovasi kerana rakyat semakin peka, berpendidikan tinggi dan mempunyai espektasi yang tinggi terhadap sistem perkhidmatan awam. Sistem tadbir urus sektor awam yang baik dan budaya kerja berkualiti merupakan landasan utama dalam meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan Kerajaan melaksanakan dasar yang dimandatkan.

10. Begitu dengan konteks kemajuan sesebuah negara, ianya bukan sahaja dinilai daripada aspek pengukuhan ekonomi tetapi merangkumi aspek ketelusan dan INTEGRITI yang dimiliki oleh institusi-institusi negara tersebut termasuklah institusi sektor awam. Mengungkap kata-kata Warren Buffet, tokoh pelaburan tersohor dunia, *“in looking for people to hire, you look for three qualities: integrity, intelligence and energy. And if they don’t have the first, the other two will kill you”*.

11. Sehubungan itu, pihak Kementerian sentiasa mengambil langkah pro-aktif untuk memantapkan integriti bagi memastikan penjawat awam menjunjung dan menegakkan prinsip integriti serta akauntabiliti ke arah mencapai sistem penyampaian perkhidmatan awam yang lebih telus, cemerlang dan berdaya saing tinggi.

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Selaras dengan matlamat tersebut, Unit integriti, Kementerian Kerja Raya Malaysia telah ditubuhkan pada Mac 2014 berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 tahun 2013. Fokus utama Unit Integriti adalah:

- i. Menzahirkan hasrat kerajaan bagi memantapkan integriti penjawat awam dengan pengamalan tadbir urus yang baik;

- ii. Membina kompetensi, meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan dan produktiviti warga kerja khususnya di Kementerian dan Jabatan serta Agensi-agensi dibawahnya.

13. Kerajaan melalui Mesyuarat Jemaah Menteri telah memutuskan supaya usaha pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan terus dipertingkatkan melalui penubuhan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) bagi menggantikan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU). JITU ditubuhkan melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009.

14. JITU merupakan platform untuk mengendalikan isu-isu berkaitan integriti melalui sistem dan prosedur. Oleh itu, pelaksanaan JITU lebih fokus kepada kaedah pencegahan berbanding penguatkuasaan.

15. Saya telah difahamkan bahawa objektif JITU ini merangkumi tiga (3) perkara utama seperti berikut :

- i. Pertama, Mesyuarat JITU merupakan pemacu perubahan dalam mewujudkan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang berteraskan integriti dan tadbir urus baik; Teks Ucapan : Taklimat JITU 5;
- ii. Kedua, Mesyuarat JITU menyediakan platform kepada pihak kementerian untuk berkongsi pengetahuan serta pendapat mengenai sesuatu isu dan seterusnya mencadangkan penambahbaikan atau penyelesaiannya; dan



- iii. Ketiga, mesyuarat JITU ini juga merupakan forum bagi kementerian untuk membentangkan amalan terbaik (best practices) yang dipraktikkan dalam organisasi.

16. Mengambil kira perubahan persekitaran kerja yang kompleks pada masa kini, terutamanya perkembangan media baharu telah menjadi cabaran baharu kepada proses penyampaian kerajaan. Integriti secara holistiknya bukan hanya merangkumi rasuah semata-mata, atau keluar makan minum atau membeli belah di waktu bekerja, malah ianya merangkumi keseluruhan aspek dalam perkhidmatan awam termasuklah penyebaran maklumat sulit jabatan atau kementerian melalui laman media sosial.

17. Tanpa disedari ada segelintir pegawai gemar muatnaik gambar bermesyuarat, agenda mesyuarat atau pun minit mesyuarat atau maklumatmaklumat rahsia kerajaan. Tindakan ini secara tidak langsung membocorkan maklumat rahsia kerajaan yang membawa kepada persepsi dan impak yang negatif.

18. Maka dengan itulah pihak MAMPU telah mengeluarkan Surat Arahan Penggunaan Media Jaringan Sosial di Sektor Awam pada 19 November 2009 dan seterusnya Jabatan Perdana Menteri melalui rujukan bertarikh 23 Februari 2015 yang bertajuk **TINDAKAN KE ATAS PENJAWAT AWAM YANG MEMBOCORKAN DOKUMEN MAKLUMAT TERPERINGKAT KERAJAAN.**

## **Isu Parlimen 1: Projek Lebu Raya Persisiran Pantai Melaka**

19. Status projek Lebu Raya Persisiran Pantai Melaka dari Linggi ke Jambatan Syed Abdul Aziz – iaitu merujuk kepada projek yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan semasa pembentangan Bajet 2016 pada bulan Oktober 2015 lalu.

20. Jajaran projek Lebu Raya Persisiran Pantai Melaka itu merupakan sebahagian daripada skop projek Lebu Raya Persisiran Pantai Barat Koridor Selatan dari Lembah Klang ke Melaka dan akan berakhir di Gelang Patah, Johor.

21. Kerajaan berpandangan projek berkenaan sememangnya berpotensi dan terdapat keperluan untuk dilaksanakan. Ia juga selaras dengan perakuan laporan Pelan Induk Pembangunan Jalan Raya atau 'Highway Network Development Plan' (HNDP) yang diterbitkan pada tahun 2010 – iaitu cadangan bagi melengkapkan Lebu Raya Pantai Barat Koridor Selatan melibatkan jajaran dari Banting, Selangor melalui Port Dickson, melalui persisiran pantai negeri Melaka, dan berakhir di Gelang Patah, Johor.

22. Berikutan pengumuman Bajet 2016 mengenai Lebu Raya Persisiran Pantai Melaka itu, pihak Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri telah mengemukakan 2 kaedah pelaksanaan projek untuk pertimbangan pihak Kerajaan, iaitu sama ada menaik taraf Jalan Persekutuan 5 (FT05) sedia ada kepada laluan 4 lorong 2 hala ('dual-

carriageway') secara konvensional; atau melaksanakan Lebuhraya Pantai Barat (Koridor Selatan) menerusi kaedah penswastan lebuhraya bertol.

23. Jemaah Menteri pada bulan Mac 2015 yang lalu setelah menimbang kedua-dua pilihan tersebut telah memutuskan supaya kajian terperinci mengenai penentuan jajaran Lebuhraya Pantai Barat (Koridor Selatan) daripada Banting ke Gelang Patah dibuat terlebih dahulu oleh Kementerian Kerja Raya. Kajian tersebut dijangka akan dimulakan pada bulan Jun 2016 dan dirancang akan mengambil masa 3 bulan untuk disiapkan.

24. Sehubungan itu, kaedah pelaksanaan projek Lebuhraya Persisiran Pantai Melaka akan diputuskan setelah Kerajaan menerima dan mengambil kira hasil kajian penentuan jajaran Lebuhraya Pantai Barat (Koridor Selatan) yang akan dilaksanakan oleh kementerian ini dalam tempoh masa yang terdekat.

## **Isu Parlimen 2: Isu Kesesakan Lebuhraya Utara-Selatan di Koridor Selatan**

25. Cadangan supaya Kerajaan menaik taraf Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) di selatan tanah air, iaitu menambah lorong ketiga PLUS dari Skudai, Johor hingga ke Ayer Keroh, Melaka.

26. Kerajaan sememangnya mengambil maklum mengenai isu kesesakan di sepanjang Lebuhraya Utara Selatan, terutama pada waktu puncak, cuti hari minggu, cuti persekolahan dan juga pada musim perayaan utama.

Keadaan ini disebabkan oleh faktor pergerakan trafik yang tinggi dalam tempoh masa yang hampir serentak. Namun begitu secara umumnya Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS) – termasuk di selatan – masih lagi mampu untuk menampung kapasiti aliran trafik harian semasa walaupun terdapat peningkatan jumlah kenderaan baru yang berdaftar pada setiap tahun.

27. Di kesempatan ini ingin saya jelaskan juga bahawa sebarang projek menaik taraf Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS) perlu dibuat secara berfasa – iaitu dengan mengambil kira faktor keutamaan dan juga kemampuan kewangan Kerajaan secara keseluruhan. Setakat ini Kerajaan telah menaik taraf lebuh raya tersebut melibatkan lorong ketiga laluan Seremban ke Ayer Keroh dan Rawang ke Tanjong Malim yang disiapkan pada tahun 2011 dengan kos sebanyak 1.04 bilion ringgit. Manakala projek membina lorong keempat PLUS di sekitar Lembah Klang dengan jarak keseluruhan 63km telah disiapkan pada bulan September 2015 yang lalu dengan kos keseluruhan sebanyak RM1.44 bilion.

28. Kerajaan setakat ini belum ada perancangan untuk menaik taraf atau menambah lorong laluan Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS) di selatan – iaitu dari Skudai ke Ayer Keroh. Walaupun begitu, kerajaan kini sedang mempertimbangkan cadangan untuk membina Lebuh Raya Pantai Barat (Koridor Selatan) dari Banting, Selangor ke Gelang Patah, Johor. Ini merupakan antara laluan alternatif yang sedang diteliti untuk mengurangkan beban aliran trafik Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS) sedia ada.

### **Isu Parlimen 3: Isu Masa Depan Jurutol Selepas Pelaksanaan Sistem ETC:**

29. Mengenai nasib dan masa depan jurutol yang berkhidmat di syarikat-syarikat konsesi lebuhraya berikutan kesan daripada pelaksanaan sistem kutipan tol secara elektronik atau "Electronic Toll Collection" (ETC) yang sedang giat dilaksanakan secara berperingkat oleh syarikat-syarikat pengendali konsesi lebuhraya di seluruh negara.

30. Pada masa kini terdapat seramai 4,424 orang jurutol yang berkhidmat di 30 lebuhraya yang sedang beroperasi di negara ini. Daripada jumlah tersebut seramai 3,114 orang jurutol atau 75% merupakan pekerja berstatus tetap, 1,146 orang (27%) ialah pekerja kontrak manakala 164 orang lagi (3%) ialah berstatus pekerja sambilan.

31. Bagi jurutol yang berstatus tetap, mereka ini tidak akan diberhentikan kerja berikutan daripada pengenalan sistem kutipan tol secara elektronik (ETC), sebaliknya mereka akan diserapkan di unit-unit operasi sokongan yang lain – iaitu seperti ditempatkan di Pusat Khidmat Pelanggan dan unit khas yang mengumpulkan data cerapan kutipan tol secara elektronik. Ini bermakna sebahagian jurutol itu akan terus bertugas di plaza-plaza tol bagi memantau kelancaran operasi sistem berkenaan dan membantu pengguna yang berhadapan dengan kesulitan. Manakala sebahagian lagi akan ditempatkan di bahagian kad Touch 'n Go dan Smart-TAG bagi memudahkan urusan penjualan dan tambah nilai.

32. Untuk pekerja tol yang berstatus kontrak dan bekerja sambilan pula, lantikan mereka tertakluk kepada tawaran kontrak perjanjian antara pekerja-majikan mengikut Akta Pekerja 1955.

33. Mengenai dasar ETC, sehingga kini sebanyak 52 bilangan plaza tol di seluruh negara telah melaksanakan sistem transaksi tol secara elektronik (ETC) sepenuhnya. Hal ini selaras dengan hasrat Kerajaan yang menetapkan sistem ETC akan dilaksanakan sepenuhnya di semua plaza tol negara ini menjelang tahun 2018. Objektif utama sistem ETC ini ialah bagi mengurangkan masalah kesesakan di plaza-plaza tol sekali gus dapat menjimatkan masa berbanding kutipan tol secara tunai atau manual.

## **PENUTUP**

34. Bagi mengakhiri ucapan, saya ingin menyeru dan mengingatkan warga LLM supaya sentiasa berusaha untuk mengekalkan momentum kecemerlangan dan berkualiti dalam memberikan perkhidmatan terbaik. Semoga kita beroleh manfaat dan pengetahuan yang berguna melalui perhimpunan pada pagi ini.

Sekian,

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamu"Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.